

KUALA LUMPUR 2017
SUKAN SEA KE-29
SUKAN PARA ASEAN KE-9

MALAYSIA BERSAMAMU

KEPUTUSAN

**SENARAI PEMENANG
PINGAT EMAS MALAYSIA**

EMAS

1. IRWANDIE LAKASEK
Basikal scratch

**2. MUHAMMAD KHAIRIL NIZAM RASOL,
MUHAMMAD FADHIL MOHD ZONIS,
MOHAMAD SHARIZ EFENDI MOHD SHAHRIN**
Basikal pecut berpasukan lelaki

**3. FATEHAH MUSTAPA, FARINA
SHAWATI MOHD ADNAN**
Basikal pecut berpasukan wanita

4. KOI SIE YAN
Gimrama individu keseluruhan

**5. AMIRA SOFIYA AMIRUL FAREZ, CHAN
MEI THUNG, KOH JIE YIE, TEE WEI QI,
TEE WEI WEN, THEW YUE JIA**
Gimrama gelung berpasukan

**6. MUHAMMAD UZAIR AMIN MOHD
YUSOF/ NAQUIB EIMAN SHAHRIN**
Pelayaran international 420

**7. MOHAMMAD FAIZAL NORIZAN/
AHMAD SYUKRI ABDUL AZIZ**
Pelayaran international 470

8. JULIAN YEE
Ice Skating Figure skating

9. CHEONG JUN HOONG
Terjun 1 meter papan anjal

10. OOI TZE LIANG
Terjun 10 meter platform lelaki

11. ROZAIMI RAZALI
Taekwondo kyorugi 68kg

12. SOUFI RUSLI
Boling Padang perseorangan lelaki

13. EMMA FIRYANA SAROJI
Boling Padang perseorangan wanita

GRAFIK BH

Jun Hoong tiada tandingan

➔ Juara dunia
menang
mudah 1 meter
papan anjal

**Oleh Saiful Affendy
Sapran**
saifulaffendy@hmetro.com.my

► Kuala Lumpur

Cheong Jun Hoong nyata tiada tandingan selepas penerjun berstatus juara dunia itu menepati ramalan memenangi pingat emas acara satu meter papan anjal individu wanita di Pusat Akuatik Nasional, semalam.

Jun Hoong yang mencipta sejarah muncul juara dunia dalam acara 10 meter platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest bulan lalu, meraih 268.55 mata selepas lima terjunan.

Seorang lagi peserta negara, Jasmine Lai Pui Yee pula meraih perak (233 mata) manakala Ngo

Phuong Mai dari Vietnam gangsa dengan catatan 207.80 mata.

Meskipun belum pulih daripada kecederaan belakang, Jun Hoong tetap mampu menghardirkan emas untuk Malaysia.

"Walaupun sering beraksi di Sukan SEA, kali ini suasananya agak lain kerana mendapat sokongan padu penyokong tuan rumah.

"Ini adalah satu-satunya acara yang saya sertai pada temasya kali ini. Jadi selepas ini saya boleh berehat untuk meneruskan proses pemulihan kecederaan belakang," katanya.

Emas kedua Tze Liang

Jun Hoong juga tidak terkilan kerana tidak diturunkan untuk acara 10 meter platform yang menyaksikannya meraih emas di Budapest.

"Banyak lagi peserta muda yang dapat diketengahkan untuk Sukan SEA. Ia pendedahan yang baik untuk mereka," katanya yang menyertai Sukan SEA kali pertama pada 2003 di Hanoi.

Selain Jun Hoong, Malaysia turut membolot emas dalam acara 10 meter platform lelaki menerusi Ooi Tze Liang.



Jun Hoong (kanan) dan Jasmine Lai memperagakan pingat emas dan perak acara 1m papan anjal.